



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	21/6/2017	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN		

Hutan Rekreasi UTM kekalkan alam semula jadi

JOHOR BAHRU - Siapa sangka dalam kepesatan pembangunan infrastruktur di bandar raya ini masih terdapat hutan semula jadi yang kekal terpelihara indah.

Terletak 25 kilometer dari pusat bandar raya ini, Hutan Rekreasi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menjadi salah satu daya tarikan kepada orang ramai.

Berkeluasan 53 hektar, Hutan Rekreasi UTM yang dibuka pada 22 Disember 2004 merupakan salah satu produk pelancongan ditawarkan oleh Kampus Ekopelancongan UTM.

Hutan simpan itu turut menawarkan pelbagai aktiviti riadah yang disediakan oleh jurulatih dan kakitangan berpengalaman serta terlatih.

Antara aktiviti menarik ialah mere-

dah hutan, memanah, *flying fox*, *paintball*, *explorace* dan menunggang kenderaan pelbagai permukaan (ATV).

Penolong Pendaftar Kanan UTM, Zaidi Mohmod berkata, hutan itu baru dibuka semula kepada umum pada 1 Februari lalu setelah ditutup sementara sejak 13 November tahun lalu bagi kerja menaik taraf kemudahan sedia ada.

"Hutan Rekreasi UTM menjadi lokasi penganjuran perkhemahan, kem motivasi dan bina semangat anjuran pihak sekolah, agensi kerajaan dan pihak swasta," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Bagi mendapat maklum lanjut mengenai hutan simpan tersebut sila layari laman web www.utm.my/ecotourism.



PENGUNJUNG yang meminati aktiviti lasak boleh mencuba menunggang ATV di Hutan Rekreasi UTM, Johor Bahru.